



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MALAYSIA JULAI 2023

Indeks Harga Pengeluar Malaysia turun negatif 2.3 peratus pada Julai 2023

PUTRAJAYA, 28 Ogos 2023 – Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur harga barangan di pintu kilang, turun negatif 2.3 peratus pada Julai 2023 berbanding negatif 4.8 peratus pada Jun 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan hari ini dalam laporan bulanan terbaharu iaitu **INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, JULAI 2023**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengulas, "Sektor Perlombongan turun sebanyak negatif 10.8 peratus (Jun 2023: -16.6%), disebabkan oleh penguncupan indeks Pengekstrakan petroleum mentah (-14.8%). Sektor Pembuatan menurun sebanyak negatif 2.1 peratus, disebabkan oleh indeks Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-11.7%) dan Pembuatan produk makanan (-8.9%). Sementara itu, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan mencatatkan peningkatan pertama pada 2023, meningkat 3.6 peratus selepas penurunan dua digit negatif 20.4 peratus pada Jun 2023. Peningkatan ini disebabkan oleh indeks Pengeluaran ternakan (6.8%) dan Penanaman tanaman kekal (1.2%). Bagi sektor utiliti, indeks Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas masing-masing meningkat 3.1 peratus dan 0.1 peratus."

Beliau menjelaskan lagi, "Pada asas bulanan, IHPR Pengeluaran Tempatan meningkat perlahan 0.2 peratus pada Julai 2023 (Jun 2023: -0.3%). Sektor Perlombongan meningkat 3.1 peratus disebabkan oleh indeks Pengekstrakan petroleum mentah (4.2%). Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan pula meningkat 1.0 peratus dengan indeks Penanaman

tanaman kekal mencatatkan peningkatan sebanyak 2.2 peratus. Walau bagaimanapun, indeks bagi sektor Pembuatan menurun sebanyak negatif 0.2 peratus pada Julai 2023. Bagi sektor utiliti, indeks Bekalan elektrik & gas dan Bekalan air masing-masing turun sebanyak negatif 0.1 peratus dan negatif 0.3 peratus.”

Mengulas mengenai IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya terus menurun sebanyak negatif 6.3 peratus pada Julai 2023 (Jun 2023: -18.7%), dengan indeks Bahan bukan makanan mencatatkan negatif 8.7 peratus. Indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen juga mencatatkan negatif 3.3 peratus disebabkan oleh Bahan api yang diproses & pelincir (-7.1%) dan Bahan & komponen untuk pembuatan (-6.2%). Sementara itu, indeks Barang siap meningkat 3.4 peratus, disebabkan oleh peningkatan dalam Kelengkapan modal (4.7%) dan Barangan pengguna siap (1.7%).”

Pada asas bulanan, kedua-dua indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya dan Barang siap masing-masing meningkat sebanyak 1.9 peratus dan 0.1 peratus. Sementara itu, Bahan perantaraan, bekalan & komponen turun negatif 0.4 peratus pada Julai 2023.

Beliau terus menjelaskan bahawa inflasi di peringkat pengeluar di negara terpilih mula menunjukkan perubahan pada bulan ini. IHPR Amerika Syarikat meningkat 0.8 peratus berbanding 0.2 peratus pada Jun 2023. Harga pengeluar China terus menurun, turun negatif 4.4 peratus berbanding penurunan 5.4 peratus pada bulan sebelumnya. Ini menandakan trend yang berterusan dalam pengurangan kos pengeluaran. Inflasi pengeluar India juga terus menguncup 1.4 peratus (Jun 2023: -4.1%) disebabkan oleh harga minyak mineral, logam asas dan produk kimia yang lebih rendah. Sementara itu, IHPR Jepun meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 3.6 peratus berbanding 4.3 peratus pada bulan sebelumnya disebabkan kos utiliti tenaga yang lebih rendah.

Harga global minyak mentah Brent berlegar pada purata USD80/tong pada bulan ini selepas mencapai purata USD75/tong pada Jun 2023, menyumbang kepada kestabilan dalam sektor perlombongan. Bekalan minyak mentah diunjurkan terus terhad apabila Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan ahli-ahlinya telah melaksanakan pengurangan pengeluaran. Berdasarkan *Taipei Times*, faktor lain seperti penurunan dalam eksport minyak mentah Rusia, yang lebih rendah daripada jangkaan stok


minyak mentah Amerika Syarikat dan KDNK China yang lemah pada suku tahun kedua menyumbang kepada kenaikan harga minyak mentah bulan ini.

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*


Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia




Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia




Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia



Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun)



Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 28 Ogos 2023



Sumber: Laman web rasmi *National Statistical Offices (NSOs)* terpilih

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
28 OGOS 2023**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MALAYSIA
JULY 2023**

***Malaysia's Producer Price Index declined to
negative 2.3 per cent in July 2023***

PUTRAJAYA, 28th August 2023 – Malaysia's Producer Price Index, which measures the prices of goods at the factory gate, declined to negative 2.3 per cent in July 2023 as against negative 4.8 per cent in June 2023, the Department of Statistics Malaysia reported today in its latest monthly report of the **PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, JULY 2023**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin commented that, "The Mining sector decreased by negative 10.8 per cent (June 2023: -16.6%), affected by the contraction of the Extraction of crude petroleum index (-14.8%). The Manufacturing sector declined by negative 2.1 per cent, dragged down by Manufacture of coke & refined petroleum products (-11.7%) and Manufacture of food products (-8.9%) indices. Meanwhile, the Agriculture, forestry & fishing sector posted its first increase in 2023, up by 3.6 per cent after a double-digit decrease of negative 20.4 per cent in June 2023. The increase was attributed to the indices of Animal production (6.8%) and Growing of perennial crops (1.2%). For the utility sector, the Water supply and Electricity & gas supply indices went up 3.1 per cent and 0.1 per cent, respectively."

He further explained, "On a monthly basis, PPI local production marginally increased by 0.2 per cent in July 2023 (June 2023: -0.3%). The Mining sector increased by 3.1 per cent due to the increase in the index of Extraction of crude petroleum (4.2%). The Agriculture, forestry & fishing sector went up by 1.0 per cent with the index of Growing of perennial crops posting an increase of 2.2 per cent. On the other hand, the index of the Manufacturing sector

decreased by negative 0.2 per cent in July 2023. For the utility sector, the Electricity & gas supply and Water supply indices went down by negative 0.1 per cent and negative 0.3 per cent, respectively.”

Commenting on the PPI Local Production by stage of processing, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The Crude materials for further processing index continued to decrease by negative 6.3 per cent in July 2023 (June 2023: -18.7%), with the Non-food materials index posting a negative 8.7 per cent. The Intermediate materials, supplies & components index also recorded a negative 3.3 per cent due to Processed fuel & lubricants (-7.1%) and Materials & components for manufacturing (-6.2%) indices. Meanwhile, the Finished goods index edged up 3.4 per cent, attributed to the increase in Capital equipment (4.7%) and Finished consumer goods (1.7%).”

On a monthly basis, both Crude materials for further processing and Finished goods indices increased by 1.9 per cent and 0.1 per cent, respectively. Meanwhile, the Intermediate materials, supplies & components index went down by negative 0.4 per cent in July 2023.

He further elaborated that inflation at the producer level in selected countries started to catch up this month. The PPI of the United States of America inched up 0.8 per cent as compared to 0.2 per cent in June 2023. China’s producer price continued to decline down by negative 4.4 per cent as compared to a 5.4 per cent drop in the previous month. This signified an ongoing trend in production cost reductions. Similarly, India’s producer inflation contracted further by 1.4 per cent (June 2023: -4.1%) due to lower prices of mineral oils, basic metals and chemical products. Meanwhile, Japan’s PPI inclined at a slower pace of 3.6 per cent as compared to 4.3 per cent in the previous month due to lower energy utility costs.

Global Brent crude oil settled at an average of USD80/barrel in this month after reaching an average of USD75/barrel in June 2023, contributing to the ease in the mining sector. The crude supply is projected to tighten further as the Organisation of the Petroleum Exporting Countries (OPEC) and its allies have implemented output cuts. Based on Taipei Times, other factors such as the decrease in Russia’s crude oil exports, which is lower than expected in US crude stocks and China’s weak GDP in the second quarter contributed to the rise in crude oil prices this month.

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

Embargo : Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, 28th August 2023

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Chart 1: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production, Malaysia




Chart 2: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (Year-on-Year), Malaysia




Chart 3: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing (Year-on-Year), Malaysia






Chart 4: Percentage Change of Consumer Price Index (CPI) and Producer Price Index (PPI) of Selected Countries (Year-on-Year)



Embargo : Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, 28th August 2023



Source: Official websites of selected National Statistical Offices (NSOs)

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

28th AUGUST 2023